



MUZIUM CHIMNEY  

---

CHIMNEY MUSEUM

MUZIUM CHIMNEY

# 1 PENGENALAN INTRODUCTION

Muzium Chimney didirikan di atas bekas tapak perlombongan arang batu di Tanjung Kubong. Muzium ini ditubuhkan untuk memelihara dan menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah perlombongan arang batu di Labuan terutamanya di kawasan Tanjung Kubong dan beberapa kawasan di sekitar Labuan pada tahun 1847 hingga tahun 1911. Terdapat sebuah monumen era perlombongan arang batu di tapak muzium dikenali sebagai Menara Chimney yang merupakan tarikan utama di muzium ini walaupun tidak diketahui dengan tepat tarikh ianya dibina. Muzium Chimney telah dibuka secara rasmi pada 26 Oktober 2002.

*Chimney Museum is a site museum which was erected above a former coal mine at Tanjung Kubong. This museum was established to preserve and disseminate knowledge on the history of coal mining in Labuan, particularly in the area of Tanjung Kubong and around Labuan in the years 1847 to 1911. There is also an on-site mysterious and historic monument which was built during coal mining heyday known as Chimney Tower although the exact date of its construction remains uncertain. The Chimney Museum was officially opened on October 26, 2002.*





## 2 TARIKAN BERHAMPIRAN NEARBY ATTRACTION

- Perkampungan Nelayan Tanjung Aru
  - Taman Burung Labuan
  - Tapak-tapak terowong bekas lombong arang batu
  - Pantai-Pantai Peranginan seperti Pantai Batu Manikar, Pantai Pohon Batu dan Pantai Pancur Hitam
  - Jejak Sejarah Chimney Labuan
  - Geopark, Labuan
  - Taman Damai, Layang-Layangan
  - Anjung Ikan Bakar dan Anjung Ketam
- 
- *Tanjung Aru Fishing Village*
  - *Labuan Bird Park*
  - *The Site of Former Coal Mines*
  - *Beaches as Pantai Batu Manikar, Pantai Pohon Batu and Pantai Pancur Hitam*
  - *Labuan Chimney Walking Trail*
  - *Geopark Labuan*
  - *Peace Park and Surrender Point, Layang-Layangan*
  - *Anjung Ikan Bakar and Anjung Ketam*



## 3 KOLEKSI COLLECTIONS

Muzium Chimney mempamerkan 737 koleksi artifak dan spesimen geologi yang ditemukan hasil daripada kerja-kerja konservasi dan ekskavasi arkeologi di tapak Chimney seperti batu-bata asal Chimney, pelbagai peralatan perlombongan arang batu, pelbagai barang tinggalan para pelombongan dan pelbagai jumpaan arkeologi. Turut dipamerkan ialah tinggalan struktur kereta api yang pernah digunakan untuk mengangkut arang batu dan koleksi pelbagai jenis spesimen geologi yang berusia jutaan tahun yang dijumpai di sekitar Tanjung Kubong dan Tapak Geologi Labuan.

*The Chimney Museum exhibited collections of 737 historical artefacts and geological specimens discovered during conservation and archaeological excavation works at Chimney sites such as chimney's original bricks, various types of coal mining equipment, various remaining items of miners as well as various archaeological findings unearthed in the vicinity of Tanjung Kubong. Also, on display are the remains of railway structures once used to transport coal and collections of various types of multi-year-old geological specimens found around Tanjung Kubong and Labuan Geological Sites.*

# 4 GALERI GALLERY

Terdapat dua galeri pameran utama di muzium ini yang disusun atur mengikut urutan kronologi sejarah, peristiwa serta artifak berkaitan bagi memudahkan pengunjung memahami dan menghayati setiap maklumat yang dipamerkan. Di galeri aras bawah para pelawat disajikan dengan beberapa segmen pameran yang terdiri daripada Segmen Sejarah Awal Tanjung Kubong, Sejarah Perlombongan Arang Batu dan sistem pengangkutan keretapi Labuan. Pengunjung juga berpeluang meneroka serta merasai suasana di dalam terowong arang batu melalui diorama khas yang dipaparkan. Di galeri aras satu muzium ini para pengunjung boleh mengetahui pelbagai maklumat yang menarik mengenai monumen Menara Chimney, pelaksanaan kerja-kerja konservasi Menara Chimney seterusnya melihat pelbagai artifak era perlombongan arang batu di Labuan yang ditemui daripada eksplorasi kawasan sekitar dan kerja-kerja ekskavasi arkeologi di tapak Menara Chimney.

*There are two main exhibition galleries was presented according to historical chronology and events with related artefacts for the visitors' better understanding. At the ground floor gallery, the exhibition's segments are divided into; Tanjung Kubong's early history; the history of coal mining and the Labuan Railway. The visitors can also explore a taste of atmosphere inside a coal mining tunnel through a special diorama. While in the museum's first floor gallery, visitors can find out various interesting information about the Chimney Tower, the conservation work and also exhibited various artefacts from archaeological excavations findings and exploration of the surrounding area at the site.*





## PENGANGKUTAN GETTING HERE

Pengunjung boleh menaiki bas awam bermotor 6 atau menaiki teksi dari pusat bandar. Bagi pengunjung yang menaiki kenderaan sendiri, dari pusat bandar menuju ke Jalan Tun Mustapha dan terus ke Jalan Lubok Temiang. Kira-kira 3 kilometer dari kawasan Kampung Lubok Temiang, pengunjung akan sampai ke Muzium Chimney yang terletak di Jalan Tanjung Kubong.

*By taxi or public bus no. 6 from the town centre. By car take the road from the town centre heading towards Jalan Tun Mustapha and then onto Jalan Lubok Temiang. The Chimney Museum is approximately 3km from the village of Lubok Temiang, located at Tanjung Kubong road.*



Menara Chimney menerima pengiktirafan The International Green Apple Awards daripada The Green Organisation pada tahun 2013 di London.

*Chimney tower was recognized The International Green Apple Awards from The Green Organisation on 2013 in London.*

## HARI DAN MASA LAWATAN VISITING HOURS

9.00 pagi hingga 5.00 petang  
(Pelawat terakhir masuk pukul 4.30 petang)

Muzium ditutup pada:

- Setiap hari Isnin pertama setiap bulan.
- Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri
- Hari pertama Hari Raya Aidiladha

*Daily 9.00am to 5.00pm  
(Last admission at 4.30pm)*

*Museum is closed on:*

- The first Monday of each month
- First and second day of Aidilfitri
- First day of Aidiladha

## ALAMAT ADDRESS

Muzium Chimney  
Jabatan Muzium Malaysia  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Jalan Tanjung Kubong, Kampung Lubok Temiang,  
87008 Wilayah Persekutuan Labuan

[www.facebook.com/chimneymuseum](http://www.facebook.com/chimneymuseum)



JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur  
Tel : 03 - 2267 1000 | Faks: 03 - 2284 9130

Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya  
*Please return this leaflet if you have no further use*